

PERLIS BAYAR ELAUN BULANAN KEPADA JKKK MULAI 1 MAC

KANGAR 26 Mac - Menteri Besar, Encik Ali Ahmad mengumumkan keputusan kerajaan negeri mengeluarkan bayaran elaun bulanan kepada para ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di negeri ini yang berkuatkuasa mulai 1 Mac lalu.

Katanya, setiap pengerusi JKKK layak menerima elaun bulanan mereka sebanyak \$30, setiausaha \$20 sementara bagi ahli jawatankuasa biasa sebanyak \$5 setiap kali mereka menghadiri mesyuarat.

Beliau mengumumkan perkara ini semasa berucap kepada kira-kira 500 orang ahli JKKK seluruh negeri dalam satu perjumpaan khas dengan pihak kerajaan dan wakil-wakil rakyat di rumah tetamu di sini kelmarin.

Menurut Menteri Besar, segala pemberian itu bukan suatu bayaran gaji atas tugas-tugas para ahli JKKK tersebut, tetapi sebagai

tanda simpati pihak kerajaan atas kerja-kerja sukarela yang dijalankan oleh mereka kepada masyarakat tempat selama ini.

Ketetapan juga telah dibuat, katanya setiap kali mesyuarat, pihak JKKK boleh menuntut perbelanjaan yang layak dituntut dari pihak kerajaan tidak melebihi \$15 dan dalam tempoh setahun, mesyuarat boleh diadakan tidak lebih enam kali.

Beliau juga berharap pihak jabatan-jabatan terlibat dapat mengambil langkah dari sekarang untuk memastikan segala bayaran yang ditetapkan kepada JKKK itu berjalan sempurna tanpa sebarang gangguan yang boleh pula menimbulkan rungutan di kalangan orang ramai.

Sementara pihak JKKK pula diminta supaya memfikirkan pemberian dari kerajaan itu sebagai satu tanda ingatan ikhlas dari kerajaan semata-mata dan dengan ini wajarlah juga bagi mereka

melipatandakan lagi peranan untuk kemajuan di tempat masing-masing.

"Ini semua adalah pemberian sekadar termampu oleh kerajaan negeri yang miskin ini dan insya Allah jika kerajaan sudah berkemampuan, kemungkinan jumlah pemberian elaun itu akan ditambah lagi," kata Menteri Besar.

Encik Ali menggariskan semula peranan setiap ahli JKKK di sesebuah kampung untuk memikirkan sesuatu projek dan kemudian memberi penerangan kepada masyarakat agar segala rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan sempurna di samping menjaga serta mengendalikan segala masalah keselamatan di kampung mereka.

Dengan menyedari setiap tanggungjawab ini, beliau yakin para ahli JKKK itu tidak akan terpesong kepada sesuatu yang tidak sihat terutama dalam menentukan kejayaan projek pembangunan sebagaimana yang dirancang.



DATUK Pengiran Othman berjabat tangan dengan salah seorang penduduk ketika mehyampalkan peralatan rumah bagi Rancangan Pemulihan Kampung dalam lawatannya ke Kampung Tinambak, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

RPK dan AMP bukan pancing undi - Othman Rauf

KOTA KINABALU 26 Mac - Kerajaan tidak sekali-kali menjadikan Rancangan Pemulihan Kampung dan Amalan Makanan dan Pemakanan sebagai memancing undi di kalangan rakyat, demikian ditegaskan oleh Datuk Pengiran Othman Rauf.

"Saya kesal dengan dakwaan serupa itu," tegas Menteri Wilayah Persekutuan merangkap ahli Parlimen Kimanis ketika menyerahkan anak-anak kambing di Kampung Palu-Palu dekat Kuala Penyu baru-baru ini.

Beliau menerangkan, rancangan itu merupakan rancangan kerajaan dan ia telah berjalan sejak dari dulu lagi dan bukan dilakukan di musim pilihanraya.

Datuk Pengiran Othman juga telah menyampaikan alat-alat keperluan bagi membina rumah di bawah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) di Kampung Tinambak juga dalam kawasan Kuala Penyu.

\$4.7 juta untuk bina ibu sawat telekom

TELUK INTAN 26 Mac - Jabatan Telekom Hilir Perak mendapat peruntukan \$4.7 juta bagi pembinaan ibu sawat baru di sini yang mempunyai 5,000 talian di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Jabatan itu juga diberi peruntukan \$1.1 juta bagi ibu sawat baru Sabak Bernam yang mempunyai seribu talian.

Jurucakap pembangunan Daerah Hilir Perak memberitahu sebanyak \$900,000 diperuntukkan bagi pembinaan ibu sawat Hutan Melintang yang juga mempunyai seribu talian.

Sebanyak \$950,000 bagi pembinaan ibu sawat pekan Langkap, tambahan seribu talian lagi untuk kawasan Bagang Datoh dengan peruntukan \$950,000 dan sebanyak \$840,000 bagi pembinaan ibu sawat Bagang Pasir yang juga mempunyai seribu talian.

Jabatan Telekom juga mendapat peruntukan bagi sambungan baru radio dan gelombang mikro iaitu antara Changkat Jong ke Langkap \$170,000, Teluk Intan ke Hutan Melintang \$120,000, Teluk Intan ke Changkat Jong \$355,000.

Dari Changkat Jong ke Sungai Besar \$255,000, Teluk Intan ke Sabak Bernam \$5.2 juta, Teluk Intan ke Hutan Melintang \$250,000 dan Teluk Intan ke Sungai Tawar Selangor \$30,000.

Sekiranya rakyat benar-benar mahukan perubahan yang lebih besar dan pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh, mereka mestilah memberikan mandat baru kepada kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya 22 April depan," tegasnya.

RISDA belanja \$27 juta beli getah pekebun kecil

TEMERLOH 26 Mac - Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah Datuk Sri Shariff Ahmad menyatakan sehingga pertengahan bulan ini RISDA telah berjaya membeli getah kepunyaan pekebun kecil di seluruh negara sebanyak lebih 21,000 tan metrik dengan menggunakan wang lebih \$27 juta.

Beliau memfikirkan usaha tersebut sebagai satu kejayaan yang amat dibanggakan dalam usaha kerajaan untuk membantu pekebun kecil

getah mendapatkan nilai harga yang tinggi di atas usaha mereka.

"Usaha pembelian getah oleh RISDA ini akan diteruskan sehingga keadaan harga pasaran getah dunia beransur baik," katanya.

Berucap merasmikan pembukaan kilang RISDA di Kampung Awah semalam Datuk Sri Shariff yakin dengan adanya tindakan pembelian terusan oleh RISDA dari pekebun kecil getah sekarang masalah pasaran getah tempatan yang biasanya

dipermainkan oleh orang tengah akan dapat diatasi.

Beliau mengakui harga pembelian getah yang ditawarkan oleh RISDA kadang-kadangnya di antara enam hingga tujuh sen lebih tinggi dari harga pasaran biasa.

Dalam hubungan ini juga Datuk Sri Shariff menyatakan "kementeriannya telah mengarahkan RISDA dan FELDA, dua buah agensi di bawahnya supaya berganding bahu di dalam usaha

memasarkan getah dan kelapa sawit.

Datuk Sri Shariff juga menyatakan harapannya kepada pekebun kecil getah supaya mengambil kesempatan dari peluang yang diadakan oleh RISDA di dalam usaha memperbaiki keadaan hidup mereka.

Walaupun keadaan pasaran getah dunia sekarang agak menurun disebabkan persaingan hebat dengan getah tiruan tapi berpandukan kepada kos perbelanjaan yang tinggi di dalam memproses getah tiruan itu beliau yakin masa depan getah asli akan lebih cerah.

Bagaimanapun Datuk Shariff mengingatkan pekebun kecil getah supaya memperbanyakkan kerja tambahan di dalam usaha menambah pendapatan di masa pasaran getah menurun sekarang.

Pihaknya kata beliau telahpun mengarahkan RISDA supaya mengatur dan melaksanakan konsep "mata pencarian tambahan" di kalangan pekebun kecil.

Melalui konsep ini katanya pekebun kecil digalakkan menggunakan tapak tanah yang ditanam semula dengan tanaman selingan secara perniagaan dan teratur.

Kilang getah RISDA di Kampung Awah itu merupakan yang pertama dibina di Negeri Pahang dengan perbelanjaan \$1.4 juta yang boleh memproses seratus tan metrik getah sebulan.

Kilang pertama seumpama ini telah dibina di Segamat Johor.

"Ini tidak dapat dielakkan, bagaimanapun dalam hubungan ini

perlu diusahakan bagi sesebuah jabatan kerajaan khususnya jabatan pos untuk menilai dan mengkaji semula kegiatan-kegiatan berbagai aspek MAMPU," jelasnya.

"Kerajaan dan kementerian sedar pentingnya peranan yang dimainkan oleh jabatan pos dalam membangunkan ekonomi dan sosial negara perlu dipertingkatkan lagi mutu perkhidmatan pos supaya sejajar dengan pembangunan pembangunan negara," tegasnya.

Ahli2 UMNO dinasihati jangan hiraukan cacian pembangkang

JITRA 26 Mac - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa, menasihati ahli-ahli UMNO supaya jangan mempedulikan sebarang cacian yang dilemparkan oleh parti-parti pembangkang terhadap kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

"Masukkanlah cacian itu ke telinga kiri, tetapi keluarlah semula di telinga kanan," katanya ketika memberi ceramah di Dewan Orang Ramai Tanjung Pauh dekat sini petang semalam.

Beliau berkata, apabila mendengar cacian dari parti pembangkang itu, berpandukan kepada Tuhan supaya mereka mendapat petunjuk daripada Allah.

Di samping itu, tambah beliau, ahli-ahli UMNO janganlah pula terpengaruh dengan sebarang pujuk rayu parti-parti pembangkang yang mungkin datang ke rumah mereka di musim pilihanraya ini yang antaranya kadang-kadang menagis untuk mendapatkan simpati.

Sebaliknya orang-orang UMNO hendaklah 'jalan terus' dengan perjuangan yang ada sekarang, demi kepentingan agama, bangsa dan tanahair dan jangan hidup berpura-pura seperti orang-orang PAS yang dulunya 'halal' dalam Barisan Nasional, tetapi kini 'haram' pula.

Menyentuh tentang keunggulan UMNO dalam sejarah perjuangannya, Dato' Sri Haji Kamaruddin menyatakan, penyertaan parti-parti pembangkang ke dalam Barisan Nasional, termasuk PAS sendiri pada tahun 1974 membuktikan betapa benarnya perjuangan UMNO.

Katanya, Parti Progres Rakyat (PPR) yang pernah menentang UMNO habis-habisan pada suatu masa dulu akhirnya menyertai Barisan Nasional hinggalah sekarang.



PENGERUSI KOSPEK Encik Mohd. Nazari Haji Abdul Rahim (kiri) kelihatan menyerahkan cek bernilai \$500 untuk Tabung Pahlawan Negara, kepada Pegawai Daerah Hilir Perak, Encik Abdul Samat Haji Sabri baru-baru ini.

KOSPEK Hilir Perak sedia \$15,000 untuk derma siswa anak ahli

Negara perlukan belia yang bersedia bekerja keras - Mohd. Khalil

KUALA KANGSAR 26 Mac - Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Sri Mohd. Khalil Haji Hussein menegaskan negara kita yang sedang membangun dengan pesatnya memerlukan para belia yang bersedia bekerja keras serta mempunyai disiplin diri yang tinggi.

Menurutnya, dengan kesediaan bekerja keras dan mempunyai disiplin diri yang mulia boleh meletakkan belia itu ke tempat yang sewajarnya serta mendapat perhatian dari masyarakat.

Beliau berkata demikian ketika berucap di malam kenangan anjuran Gerakan Belia 4B Daerah Kuala Kangsar di Dewan Merdeka di sini malam tadi.

Penting

Datuk Sri Mohd. Khalil menekankan pentingnya persatuan-persatuan belia melatih ahli-ahlinya supaya berdisiplin, bersedia dengan gigih dan bekerjasama dengan masyarakat setiap masa untuk meletakkan dirinya bakal pemimpin pelapis masa depan.

"Ini memerlukan pengorbanan diri dari tiap-tiap individu belia-belie sendiri yang terlibat mahu bekerja keras serta mengatur langkah mendisiplinkan diri tanpa memikirkan kepentingan diri saja," ujarnya.

Beliau berpendapat usaha yang bersungguh-sungguh dan kerjasama yang erat antara ahli-ahli dapat mengatasi masalah dan kepincangan yang berlaku sehinggalah segala cita-cita murni itu tercapai dan terlaksana.

TELUK INTAN 26 Mac - Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak, memperuntukkan \$15,000 untuk derma siswa kepada anak ahlinya tahun ini yang menduduki darjah lima hingga ke tingkatan lima.

Peruntukan itu melebihi dari tahun lalu yang cuma \$12,000 saja kata pengerusinya Encik Mohd. Nazari Haji Abdul Rahim.

Beliau berkata demikian sempena majlis makan malam, menyampaikan derma KOSPEK kepada Tabung Perwira negara sebanyak \$500 dan Tabung Kanak-Kanak Cacat Hilir Perak \$500 yang berlangsung di bangunan koperasi itu baru-baru ini.

Turut hadir dalam majlis itu Pegawai Daerah Hilir Perak, Encik Abdul Samat Haji Sabri, selaku Yang Dipertua Kehormat KOSPEK. Berucap seterusnya

Puteri Islam anjur Maulud Nabi

IPOH 26 Mac - Seramai 2,000 orang dijangka menghadiri satu majlis sambutan Maulud Nabi anjuran Puteri Islam Negeri Perak yang akan berlangsung di perkarangan kediaman Menteri Besar Perak, Jalan Sultan Idris Shah di sini, 3 April ini.

Pengerusi Puteri Islam Negeri Perak, Datin Sri Hajah Mariah Mahmud memberitahu, mereka yang dijangka mengahdirinya adalah dari kalangan ibu-ibu, para pelajar sekolah, pekerja kilang, pekerja pejabat, isteri-isteri tentera, isteri-isteri polis dan lain-lain.

Salah seorang penyarah yang dijemput ke majlis itu untuk menyampaikan syarahannya ialah Hajah Rahmah Taib dari RTM Kuala Lumpur, selain dari syarahan agama diadakan juga persembahan nasyyid serta bacaan Quran dari johan kanak-kanak seluruh Perak tiga tahun berturut-turut, Adik Faruz Shamsuri.

Menteri Besar Perak, Dato' Sri Haji Wan Mohamad Wan Teh dijangka merasmikan majlis tersebut yang bermula jam 2.30 petang hari itu.

Encik Mohd. Nazari berkata koperasi itu juga telah mengeluarkan pinjaman galakan \$100 seorang kepada 100 orang ahli bumiputera koperasi itu melabur dalam Koop Bersatu.

Koperasi itu mendapat keuntungan bersih sebanyak \$279,00 bagi kegiatan sepanjang tahun 1981 berbanding dengan sebanyak \$235,000 bagi tahun 1980.

Pegawai Daerah, Encik Abdul Samat dalam ucapannya menyampaikan penghargaan tinggi kepada koperasi itu ke-

Pembangunan: Rakyat patut bersyukur

MACHANG, 26 Mac - Ahli Dewan Negeri Kawasan Pulau Chondong Haji Abdullah Haji Mohamed mengingatkan

rakyat bahawa rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak boleh sesuai dalam tempoh empat tahun tetapi memerlukan masa yang lebih lama lagi.

Katanya, tetapi rakyat seharusnya bersyukur kerana dalam tempoh itu berbagai khidmat dan kemudahan asas seperti jalan, bekalan api elektrik, sekolah, bekalan air dan kemudahan yang lain telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam masa yang singkat itu.

Sekiranya rakyat benar-benar mahukan perubahan yang lebih besar dan pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh, mereka mestilah memberikan mandat baru kepada kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya 22 April depan," tegasnya.

Umat Islam diingat jauhan diri dari anasir pecah belas

KOTA KINABALU 26 Mac - Masyarakat Islam di negeri ini diingatkan supaya menjauhan diri daripada anasir-anasir yang cuba memecahbelahkan perpaduan yang sedia wujud di kalangan mereka.

Sebaliknya mereka diminta supaya terus menjalinkan antara silaturahim di antara sesama mereka demi menjamin kehidupan yang lebih sempurna.

Mereka juga diingatkan supaya bekerja keras untuk mengejar kemajuan, setanding dengan masyarakat yang lain.

Ingatan ini telah disuarakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf sewaktu merasmikan surau yang berharga hampir \$20,000 di Kampung Manggis, kira-kira 48 kilometer dari Kuala Penyu kelmarin.

"Kita mestilah berjaga-jaga terhadap orang-orang seperti ini, yang hanya bertujuan memecahbelahkan perpaduan yang sedia terjalin erat di antara kita bersama, semata-mata demi kepentingan diri mereka sendiri," katanya.

Mereka juga diingatkan supaya menjauhan diri daripada perasaan hasad dengki dan salah sangka di antara sama sendiri tanpa sebarang bukti yang berasas.

"Kita boleh dengki dengan kemajuan orang lain, tetapi perasaan dengki yang saya maksudkan di sini ialah dengan menanamkan perasaan ingin maju seperti mereka yang sedang maju.

"Kalau mereka boleh buat, kita juga boleh buat. Kalau mereka boleh maju, kita juga boleh maju, dengan mempraktikkan cara-cara mengejar kemajuan," ujarnya.

Melaka berazam kembalikan kegemilangan agama Islam

MELAKA 26 Mac - Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Adam berkata bahawa kerajaan negeri berazam untuk mengembalikan kegemilangannya yang dahulunya pernah menjadi pusat perkembangan Islam di rantau ini.

Katanya, sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan agama Islam sangat berkait rapat dengan perkembangan Melaka sebagai sebuah kuasa yang berkuai di rantau ini pada zaman dahulu.

"Melaka telah memainkan peranan yang penting dalam mempercepat perkembangan agama Islam di rantau ini khususnya di Asia Tenggara dan kita menantikan azam bawah sejarah itu boleh berulang," katanya.

Derma

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan upacara memulakan kerja-kerja tambah Masjid Negeri yang akan menelan belanja \$15 juta dan menentukan arah kiblatnya di Bukit Pahang dekat sini semalam.

Encik Mohd. Adib seterusnya memberitahu bahawa derma yang terkumpul bagi pembinaan Masjid Negeri setakat ini telah meningkat kira-kira \$4.9 juta, termasuk \$1 juta sumbangan kerajaan negeri, \$2.5 juta dari Kerajaan Persekutuan dan selebihnya kutipan derma dari orang ramai.

Jumlah tersebut adalah jauh dari jumlah yang diperlukan untuk keseluruhan projek masjid itu yang dianggarkan berjumlah \$15 juta," katanya.



ENCIK AZUDDIN Azuddin dipilih semula

IPOH 26 Mac - Encik Azuddin Haji Hasbullah telah dipilih semula bagi kali kelima sebagai Ketua UMNO cawangan Sri Kelebang dalam mesyuarat agungnya yang keenam di Dewan Orang Ramai Kampung Tersusun Sri Kelebang, Cherem dekat sini baru-baru ini.

Sementara Syed Johari Syed Alwi telah dipilih semula sebagai naib ketua tanpa bertanding.

Mesyuarat agung itu juga telah memilih 10 orang ahli jawatankuasa dan dua orang juru kira.

Ketua UMNO bahagian Kinta, Megat Amir Megat Yahya telah merasmikan mesyuarat agung itu.